

Sikap generasi muda terhadap tulisan Jawi: Kajian kes pelajar Universiti Brunei Darussalam

Siti Badriyah Haji Mohamad Yusof & Exzayrani Sulaiman

Universiti Brunei Darussalam

Abstrak

Generasi muda sebagai penerus bangsa memainkan peranan penting dalam hal ehwal negara sama ada dari segi agama, ekonomi, politik, dan budaya. Manakala tulisan Jawi sebagai lambang ketamadunan bangsa Melayu dan tulisan lingua franca suatu ketika dulu merupakan salah satu elemen penting budaya dan menjadi indikator identiti bangsa. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, kelangsungan tulisan Jawi terletak pada generasi penerus sama ada dari segi penggubalan dasar dan pengguna tulisan ini sendiri. Seandainya kedua elemen ini kurang memainkan peranan dan bersikap leka terhadap tulisan Jawi, maka akan rosak dan pupuslah tulisan ini. Dalam meneliti salah satu elemen ini, kajian ini dilaksanakan bagi menyelidiki sikap serta perspektif generasi muda terhadap tulisan Jawi di Negara Brunei Darussalam sekaligus melihat kelangsungan penggunaan tulisan tersebut di dalam kehidupan seharian mereka. Kajian yang akan menggunakan para pelajar Universiti Brunei Darussalam sebagai responden utama ini diharap akan dapat memperlihatkan sikap generasi muda terhadap tulisan Jawi, perspektif mereka terhadap kepentingan dan kedudukan tulisan ini dalam konteks mutakhir serta kelangsungan penggunaan tulisan ini setelah para pelajar tidak lagi mengikuti pendidikan agama secara formal. Secara tidak langsung, diharapkan kajian ini nanti akan dapat dijadikan sebagai wahana peranan dan kedudukan tulisan Jawi di Brunei dari perspektif generasi muda.

Pengenalan

Sebagai salah satu bentuk ortografi terawal Nusantara, tulisan Jawi merupakan tulisan Melayu yang diadaptasi daripada huruf Arab untuk menulis bahasa Melayu. Selaras dengan pendapat Zainal Abidin Ahmad (2000) yang lebih dikenali sebagai Za'ba yang menyatakan bahawa kedatangan Islam pada awal kurun keempat belas bukan sahaja menukar agama orang Melayu, malah huruf-huruf tulisan Arab juga diambil bagi menulis bahasa Melayu. Oleh itu, kemunculan tulisan ini berkait secara langsung dengan kedatangan Islam ke alam Melayu.

Menerusi penemuan Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh abad keempat belas, di dalam tulisan Jawi, kehadiran tulisan ini telah menggantikan sistem tulisan yang dipinjam dari bahasa Sanskrit, iaitu tulisan Pallava dan Kawi yang merupakan antara tulisan terawal yang digunakan di alam Melayu. Tulisan ini telah berkembang sejak zaman Kerajaan Islam Pasai kemudian disebar ke Kerajaan Melaka, Kerajaan Johor dan juga Aceh pada abad ke-17. Penemuan batu bersurat dan batu-batu nisan telah membuktikan kewujudan tulisan ini di Nusantara amnya dan di Brunei Darussalam khususnya.

Selain daripada penemuan batu bersurat, penemuan beberapa tarsilah, duit syiling, surat perjanjian serta kitab-kitab juga telah membuktikan kepentingan tulisan ini dan ini secara tidak langsung melambangkan ketamadunan bangsa Melayu di zaman kegemilangannya. Namun, kedatangan tulisan Rumi secara beransur-ansur telah mengambil peranan tulisan ini. Sehingga kini, tulisan Jawi juga menghadapi konfliknya yang tersendiri terutama sekali dari segi penggunaannya dalam kalangan generasi muda. Dalam hal ini, sikap pengguna dilihat sangat berkait rapat dengan keberdayatahan tulisan ini selaku produk sejarah, budaya dan bangsa.

Jawi di Negara Brunei Darussalam

Di Negara Brunei Darussalam, penemuan batu nisan bertarikh 440 H/1048M telah membuktikan Islam sudah bertapak di Brunei sejak abad ke-5H/11M. Penemuan batu-batu nisan di Bandar Seri Begawan telah membuktikan bahawa tulisan Jawi sudah mula bertapak di Brunei seawal kurun ke 10M. Tulisan ini mula digunakan secara meluas pada abad ke 14 M seiring dengan perkembangan agama Islam di Brunei Darussalam (Abd Rahman Hamzah, 2013: 5).

Pemartabatan bahasa Melayu sebagai bahasa lingua franca di Nusantara secara tidak langsung telah mengangkat martabat tulisan Jawi sehingga mana-mana utusan dan pedagang asing yang berurusan dengan kerajaan akan mempelajari dan menggunakan tulisan ini. Malah bagi tujuan memartabatkan tulisan Jawi, jika didapati surat yang diutuskan tidak menggunakan tulisan Jawi, surat tersebut tidak akan dilayan dan dikoyakkan.

Kedatangan Jawi ke Brunei secara tidak langsung telah mengurangkan buta huruf di kalangan penduduk Brunei dan senario ini berbeza ketika kewujudan tulisan Pallava dan Kawi yang hanya dipelajari dan digunakan golongan istana dan bangsawan saja. Keperluan menuntut ilmu dan mempelajari agama Islam telah menuntut penganut agama Islam untuk mempelajari tulisan Jawi memandangkan kitab-kitab agama pada ketika itu ditulis dalam tulisan Arab dan Jawi. Selaras dengan pendapat Pg Hj Mahmud Pg Damit (2014: 9) yang menyatakan tulisan Jawi digunakan dalam penulisan kitab-kitab, syair, hikayat serta surat-surat perjanjian dengan bangsa asing. Selain daripada itu, tulisan Jawi juga digunakan untuk menulis atau mengukir Tarsilah raja-raja Brunei serta untuk diukir/ditulis pada batu-batu nisan dan ia juga digunakan pada duit syiling.

Kini, tulisan Jawi digunakan bagi menulis papan-papan tanda jabatan-jabatan, nama-nama syarikat perniagaan, naman jalan serta kereta-kereta perniagaan. Inisiatif ini telah mula dilaksanakan sejak tahun 1960-an oleh Dewan Bahasa dan Pustaka atas arahan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka pada ketika itu, iaitu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja (Dr.) Haji Awang Muhamamd Jamil Al-Sufri (Pg Julaihi Pg Dato Paduka Othman, 1982; Pg Hj Mahmud Pg Damit, 2014). Tulisan ini juga digunakan pada kepala-kepala surat rasmi kerajaan, paspot, resit rasmi dan duit syiling dan sebagainya.

Dari aspek sistem pendidikan pula, sebelum tulisan ini diserapkan ke dalam pendidikan formal, tulisan Jawi telah diajarkan dan dikembangkan secara persendirian dan ia dipelajari ketika belajar mengaji, iaitu bermula dengan muqaddam (Matassim Hj Jibah dan Matussin Omar, 1982). Namun, dengan kewujudan pendidikan formal seawal 1914, iaitu ketika penubuhan sekolah Melayu di Brunei yang pada ketika itu, Jawi turut diajarkan di sekolah dan ia diajarkan setiap hari bermula dari darjah I sehingga darjah tertinggi pada zaman tersebut (Dayanku Mariam Pengiran Hj Matarsat, 1982: 3, Matassim Hj Jibah dan Matussin Omar, 1982: 12).

Peningkatan dalam tulisan Jawi sama ada dari aspek pengajaran dan penggunaannya hanya berlaku setelah subjek agama dimasukkan ke dalam sukatan pelajaran pada tahun 1936. Namun pada tahun 1960-an hingga 1970-an, pengajaran tulisan Jawi telah terputus kerana tiada guru yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran Jawi (Pg Hj Mahmud Pg Damit, 2014). Pada tahun 2009, iaitu dengan bermulanya Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN 21), tulisan Jawi telah diserapkan ke dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang bermula dari tahun pertama hingga tahun lapan.

Bagi kemudahan pengguna tulisan Jawi, pada tahun 2011, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan Pedoman Umum Ejaan Jawi (DBP, 2011) bagi menyelaraskan sistem ejaan tulisan ini dan ia adalah bagi menggantikan Sistem Ejaan Jawi Za'ba yang telah digunakan di Negara ini sebelum penerbitan pedoman umum yang dihasilkan sebelumnya.

Penyataan Permasalahan

Dalam usaha melestarikan penggunaan tulisan Jawi di Brunei Darussalam, beberapa inisiatif berupa seminar, persidangan dan bengkel telah dilaksanakan di seluruh negara. Meskipun bukan merupakan penentu kepada ketahanan tulisan ini secara keseluruhan, tulisan Jawi masih digunakan dalam konteks rasmi. Dalam hal ini, beberapa kajian berkaitan tulisan ini telah dijalankan termasuk yang menjurus kepada perspektif negatif pelajar terhadap tulisan Jawi (Pg Julaihi Pg Dato Paduka Othman, 1982). Walau bagaimanapun, dalam situasi mutakhir ini, tiada sebarang kajian lanjutan yang dijalankan berkenaan isu yang dibincangkan.

Objektif Kajian

Justeru, objektif utama kajian ini dilaksanakan adalah bagi;

- a. menyelidiki sikap pelajar terhadap tulisan Jawi
- b. perspektif pelajar-pelajar ini sebagai generasi muda terhadap tulisan Jawi
- c. melihat kelangsungan penggunaan tulisan tersebut di dalam kehidupan seharian mereka.

Metodologi Kajian

Metodologi utama kajian ini berbentuk kuantitatif yang dijalankan menerusi kaedah kaji selidik dan penggunaan statistik asas. Ia dijalankan ke atas 83 responden dengan majoriti daripada Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS) dan selainnya termasuk daripada School of Business and Economics (SBE), Faculty of Sciences (FOS) dan Akademi Pengajian Brunei (APB) di Universiti Brunei Darussalam.

Sebahagian besar daripada responden menerima pendedahan awal tulisan Jawi diterima secara formal (selepas 5 tahun) daripada gabungan pra sekolah agama dan pra sekolah Melayu. Selain itu, sebahagian besar daripada jumlah ini juga memperolehi pendidikan formal agama mereka sehingga darjah 6 sekolah agama, menunjukkan bahawa majoriti terdedah kepada tulisan Jawi bagi tempoh lebih daripada 15 tahun (memandangkan medium bertulis yang wajib digunakan di sekolah agama adalah tulisan Jawi). Tempoh penggunaan ini seterusnya memberi indikator bahawa mereka ini bukan saja mahir dalam membaca tetapi juga menulis aksara ini.

Analisis Kajian

Kaji selidik yang diedarkan mempunyai 27 soalan utama dan terbahagi kepada 2 bahagian;

- a. Bahagian pertama mengandungi 26 soalan yang menjurus kepada tahap pengetahuan, penguasaan dan penggunaan tulisan Jawi secara bacaan dan bertulis di kalangan mahasiswa/I (Rajah 1).
- b. Bahagian kedua merupakan senarai semak bagi melihat sikap atau persepsi mahasiswa/i terhadap tulisan Jawi (Rajah 2). Ia merupakan sub-pecahan bagi soalan 27 atau bahagian F dalam Rajah 1.

Bahagian	Soalan	Objektif Bahagian/ Soalan
A	1-7	Soalan asas yang menjurus kepada tahap pengetahuan pengguna dalam tulisan Jawi
B	8-17	Soalan yang menjurus kepada tahap pengetahuan penguasaan pengguna dalam tulisan Jawi secara verbal dan bertulis
C	18-19	Soalan yang menjurus kepada tahap penggunaan tulisan Jawi di dalam Media Baru
D	20-21	Soalan yang menjurus kepada tahap minat para responden dalam meneruskan serta mendalami tulisan Jawi di peringkat yang lebih tinggi
E	22-26	Soalan yang menjurus kepada tahap pengetahuan umum responden tentang tulisan Jawi
F	27	Senarai semak bagi beberapa keterangan berkaitan persepsi pengguna terhadap tulisan Jawi

Rajah 1 Pembahagian Soalan Kaji Selidik Bahagian 1


Bahagian	Soalan	Objektif Bahagian/ Soalan
A	1-3	Berkenaan kepentingan tulisan Jawi dan perbandingannya dengan tulisan Rumi
B	4-6	Manfaat tulisan Jawi secara umum
C	7-12	Peranan Negara dalam mewahanakan dan memberigakan tulisan Jawi
D	13-16	Kepentingan bagi kesinambungan tulisan Jawi di peringkat Institusi Pengajian Tinggi
E	17-19	Nilai ekonomi dan perkaitan tulisan Jawi dengan peluang pekerjaan
F	20-22	Kerelevanan tulisan Jawi dengan situasi perkembangan negara, serantau dan dunia
G	23-24	Kesedaran terhadap tanggungjawab dalam melestarikan tulisan Jawi serta ketahanannya di masa akan datang

Rajah 2 Rumusan Sub-bahagian Soalan ke-27

Dapatan Kajian

Penguasaan Pelajar Secara Bacaan


Dari segi penguasaan tulisan Jawi secara bacaan, kira-kira 90% daripada keseluruhan responden mengakui bahawa mereka boleh membacanya dengan skala sederhana (23%) sehingga ke sangat baik (24%). Walau bagaimanapun, hanya 55 responden (67%) daripada jumlah ini yang masih membaca dengan menggunakan tulisan Jawi pada skala kadang-kadang (35%) iaitu sekali ke dua kali seminggu, dan jarang (29%) iaitu pada kadar sekali ke tiga kali sebulan bagi tujuan penyelidikan, rekreasi atau bacaan ringan dan selainnya (Rajah 3).



Rajah 3 Penguasaan Tulisan Jawi secara Bacaan

Penguasaan Tulisan Jawi Secara Bertulis

Manakala dari segi penguasaan tulisan Jawi secara bertulis, juga kira-kira 90% daripada keseluruhan responden mengakui bahawa mereka boleh menulisnya dengan skala sederhana (23%) sehingga ke sangat baik (24%). 33% menggunakan tulisan ini secara bertulis pada skala jarang (55%) sehinggalah ke kadar selalu (15%) bagi tujuan yang sama iaitu rekreasi, penyelidikan dan kesenian atau kreativiti (Rajah 4).



Rajah 4 Penguasaan Tulisan Jawi secara Bertulis

Pemberigaan Tulisan Jawi di Institusi Pengajian Tinggi


Dengan kadar penguasaan yang meluas dalam kalangan responden, menunjukkan bahawa tulisan ini masih mempunyai potensi untuk dikembangmajukan secara holistik. Malah, Rajah 5 memberikan indikator bahawa mahasiswa/i universiti ini masih mempunyai keinginan untuk mengetahui sejarah serta perkembangan aksara ini dengan lebih lanjut di pelbagai ranah sama ada sebagai bidang yang bersifat otonomi mahupun diserapkan ke dalam beberapa bidang lain seperti sejarah, linguistik, kesenian dan media, dan sebagainya.

Kenyataan	Peratus Setuju
Potensi untuk dikembangluaskan di peringkat pengajian tinggi	63
Mahir dalam membaca dan menulis tulisan ini merupakan satu kelebihan dari segi akademik dan ketrampilan diri	53
Harus dijadikan syarat kemasukan ke mana-mana Institusi Pengajian Tinggi.	44
Berminat untuk meneruskan pengajian dan berkenaan tulisan Jawi dan seni khat Jawi di peringkat yang lebih tinggi.	77

Rajah 5 Perspektif Mahasiswa/i UBD dalam usaha Pemberigaan Tulisan Jawi

Potensi Tulisan Jawi dan Peluang Pekerjaan


Menerusi kaji selidik yang telah dijalankan, segelintir responden bersetuju agar tulisan ini bertindak selaku nilai tambah atau added-value dalam usaha mencari peluang pekerjaan, malah sebanyak 51% bersetuju agar ia dijadikan sebagai syarat wajib bagi tujuan pekerjaan meskipun hanya 32% responden berpendapat bahawa ia seharusnya hanya wajar dijadikan syarat bagi bidang pekerjaan yang berkaitan dengan pengajaran dan penyelidikan sahaja, seperti yang dirumuskan pada Rajah 6.



Rajah 6 Perspektif Mahasiswa/i UBD berkenaan Tulisan Jawi dan Prospek Pekerjaan

Pemberigaan Tulisan Jawi di Peringkat Negara


Bagi tujuan pemberigaan di peringkat negara, majoriti responden bersetuju agar dilaksanakan beberapa inisiatif utama sama ada dalam hal pemberigaan mahupun penyelidikan berterusan terhadap tulisan Jawi, seperti yang dirumuskan menerusi rajah berikut (Rajah 7).



Rajah 7 Perspektif Mahasiswa/i UBD terhadap usaha Pemberigaan Tulisan Jawi di Peringkat Nasioal

Kedayatahan dan Masa Depan Tulisan Jawi

Dalam melihat kedudukan tulisan Jawi dalam situasi perkembangan mutakhir, sebahagian pelajar bersetuju bahawa ia merupakan elemen yang kini sudah kurang relevan dengan perkembangan negara, serantau dan global. Malah, terdapat segelintir responden yang pesimis terhadap masa depan tulisan Jawi (dengan kira-kira 33% bersetuju bahawa ia akan mengalami kepupusan). Walau bagaimanapun, tidak semua pelajar bersetuju dengan kenyataan ini, seperti yang dirumuskan pada Rajah 8.



Rajah 8 Perspektif Mahasiswa/i terhadap Kedayatahan dan Masa Depan Tulisan Jawi

Dalam hal ini, masih terdapat banyak faktor yang mendorong generasi muda untuk menggunakan tulisan ini sama ada dalam bentuk ilmiah atau penyelidikan terutama sekali bagi mereka yang mendalami bidang aksara, manuskrip, wacana sejarah, karya kreatif dan selainnya; mahupun bagi tujuan rekreasi seperti sebagai mengisi masa lapang sama ada sebagai hobi ataupun meningkatkan kemahiran yang sedia ada.

Pada masa yang sama, tidak kurang juga yang memanfaatkan tulisan ini untuk mendalami ilmu agama terutama sekali menerusi kitab kuning contohnya, mahupun untuk membimbing dan mengajarkannya kepada orang lain seperti kepada ahli keluarga, rakan-rakan luar negara dan seumpamanya.

Di samping itu, terdapat segelintir daripada responden ini yang menggunakan tulisan Jawi sebagai manifestasi keunikan personaliti mereka contohnya menerusi penggunaannya dalam tandatangan, pelekat kereta, tanda nama pada barang peribadi dan sebagainya. Dapatan ini menunjukkan bahawa meskipun terdedah dengan hambatan, saingan dan cabaran penyebaran tulisan Rumi di semua peringkat usia, wadah dan konteks situasi, tulisan Jawi masih mempunyai bukan saja nilai sentimental tetapi juga nilai budaya dan agama kepada golongan generasi muda ini.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, terdapat beberapa inisiatif yang boleh diungkapkan agar tulisan Jawi dapat digunakan secara meluas di Institusi Pengajian Tinggi. Dalam kurikulum pendidikan contohnya, ia boleh dijadikan sebagai mata pelajaran/modul wajib ataupun pilihan bagi para pelajar, dengan menyetujui pelbagai sub-bidang di dalamnya umpamanya sejarah dan perkembangannya, seni khat sama ada tradisional mahupun kontemporari, ataupun penerapannya dalam Media Baru. Pada masa yang sama, tulisan Jawi juga boleh dipromosikan sebagai salah satu aktiviti ko-kurikulum yang bukan saja boleh melibatkan para pelajar dalam kampus tetapi juga kepada orang awam contohnya melalui program *outreach* dan sebagainya.

Manakala dalam upaya untuk memberigakannya di peringkat nasional, usaha kolaboratif pelbagai agensi yang sedia ada seperti dengan mengadakan bengkel, seminar, pertandingan dan aktiviti lainnya perlu dipertingkatkan dan disesuaikan dengan konteks mutakhir contohnya dengan mengintegrasikannya ke dalam pelbagai bentuk aplikasi teknologi info-komunikasi, industri kreatif kontemporari termasuk dalam bidang penulisan dan kesenian lainnya. Selain itu, majoriti juga menyuarakan pandangan agar ia lebih kerap digunakan secara meluas di pelbagai bentuk media. Pada masa yang sama, penyelidikan berkenaan tulisan ini juga wajar untuk diantarabangsakan ke dunia luar sama ada menerusi penerbitan bertaraf ilmiah, penganugerahan hakcipta mahupun *patent* dan seumpamanya.

Rujukan

- Abd Rahman Hamzah (2013). *Tulisan Jawi: Huruf Al-Quran yang Membina Jati Diri Melayu*. Brunei Darussalam: Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Dayangku Mariam Pengiran Haji Matarsat (1982). Masalah Tulisan dan Ejaan Jawi. Kertas kerja *Seminar Peningkatan dan Penyebaran Tulisan Jawi*, 29–31 Julai 1982.
- DBP (2011). *Pedoman Umum Ejaan Jawi*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Matassim Hj Jibah & Matussin Omar (1982.) Sejarah dan Perkembangan Tulisan Jawi. Kertas kerja *Seminar Peningkatan dan Penyebaran Tulisan Jawi*, 29–31 Julai 1982.
- Pg Julaihi Pg Dato Paduka Othman (1982). Penyebaran dan Peningkatan Tulisan Jawi di Brunei. Kertas kerja, *Seminar Peningkatan dan Penyebaran Tulisan Jawi*, 29–31 Julai 1982.
- Pg Hj Mahmud Pg Damit (2014). Tulisan Jawi: Harapan, Penerapan dan Masa Depan, Kertas kerja, *Seminar dan Malam Sastera: Memberiga dan Melestari Melayu Islam Beraja*, 28-29 Mei 2014.
- Zainal Abidin Ahmad (2000). *Pelita Bahasa Melayu Penggal I-III* (Edisi Baharu). Selangor Darul Ehsan: Sasyaz Holdings Sdn. Bhd.